


Buletin

ACIS

eISSN: 2600-8289
Zulkaedah / Zulhijjah 1440 — Ogos 2019
BIL: 14 / 2019



Lambaihan Haji Manggamit Kerinduan Seorang Hamba

Seminar Al-Quran
Berdasarkan
Tafsir Ibnu Kathir

Penulisan Ahli
Akademik Di Media
Massa

Budaya Memfitnah
Mengundang Bala
Bencana

Gen Z dalam Mendepani Cabaran
Kontemporari

Seminar Fardhu
Ain:Solat

Buletin ACIS

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin
(Rektor)

Penasihat:

Hisam Satari
(Ketua Pusat Pengajian Acis)

Editor:

Mu'allim Bin Mohd Bakri

Sidang Pengarang:

Shahril Anuar Abdul Ghalim
Nurul Nisha Mohd Shah
Hisam Bin Satari
Mu'allim Mohd Bakri
Ahmad Faiz Bin Haji Ahmad Ubaidah
Nurul Amrina Binti Mohd Yazid
Nur Ilham Binti Wan Abdullah

PENERBIT

UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban
Persiaran Seremban Tiga/1,
70300 Seremban 3,
Negeri Sembilan, Malaysia

Jika berminat untuk
menghantar sebarang artikel
atau komen, boleh email ke
buletin.acis.n9@gmail.com
muallim@ns.uitm.edu.my

Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada pembaca budiman sekalian. Alhamdulillah, Buletin ACIS siri kesembilanbelas atau siri keempatbelas yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Tajuk Fokus bulan ini adalah "*Lambaian Haji Menggamit Kerinduan Seorang Hamba*". Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga, buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

Isi Kandungan

- ⇒ Lambaian Haji Manggamit Kerinduan Seorang Hamba (3)
- ⇒ Gen Z dalam Mendepani Cabaran Kontemporari (7)
- ⇒ Seminar Al-Quran Berdasarkan Tafsir Ibnu Kathir (9)
- ⇒ Penulisan Ahli Akademik Di Media Massa (11)
- ⇒ Seminar Fardhu Ain:Solat (13)
- ⇒ Budaya Memfitnah Mengundang Bala Bencana (15)

HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan
sebulan sekali

Lambaian Haji Manggamit Kerinduan Seorang Hamba

Oleh : Hisam Bin Satari

(KPP ACIS UiTM Cawangan Negeri Sembilan)



Ibadah haji difardhukan oleh Allah Taala ke atas setiap orang Islam yang berkemampuan menunaikannya. Mampu untuk urusan perbelanjaan dalam perjalanan, semasa melaksanakan kefardhuan dan mampu untuk meninggalkan perbelanjaan mereka yang ditinggalkan di tanah air. Firman Allah Taala : “*Dan sempurnakanlah ibadah haji dan umrah semata-mata kerana Allah.*”(al-Baqarah:196).

Manakala Rasulullah telah bersabda : *Islam didirikan atas lima perkara, persaksian bahawa tiada tuhan yang disembah kecuali Allah dan Nabi Muhammad itu adalah*

pesuruh Allah. Mendirikan solat, melaksanakan zakat dan menunaikan haji serta puasa bulan Ramadhan. (Muttafkun alaih). Ia merupakan keparduan sekali seumur hidup berdasarkan sabda Nabi : haji itu sekali, barangsiapa yang menambahnya maka ia jadi ibadah sunat. (riwayat Abu daud, Ahmad dan Hakim).

Abu Hamid al-Ghazali (Imam al-Ghazali) menyarankan beberapa tips kepada jamaah supaya sentiasa mengawal hati selama berada di tanah suci Mekah: *jika engkau berangkat mengerjakan haji maka:*



Hikmah Kefardhuan Haji.

Antara hikmah kefardhuan haji ialah menyucikan hati dari segala punca dosa dan kesalahan untuk menjadi hamba Allah Taala yang mendambakan kehidupan akhirat. Bertepatan dengan sabda nabi: ***siapa yang menunaikan haji dirumah ini (kaabah) dan dia tidak melakukan perkara keji dan kefasikan, keluar segala dosanya seumpama bayi yang dilahirkan ibunya (Muttafakun alaih).***

Ibadah haji ialah ibadah penyucian diri, tiada seorang pun yang membawa gelaran dan pangkat semasa menunaikan kefardhuan ini. Manusia semuanya sama, berdiri sebagai tetamu Allah taala dengan seruan talbiah yang satu, pakaian yang sama, tempat dan masa yang sama, di padang arafah mereka berkumpul merasai gambaran sedikit perhimpunan hari mahsyar, tidak akan ada makhluk yang terselamat kecuali dengan rahmat Allah.


Apakah rahsia ibadah haji?

Antara rahsia kefardhuan haji ialah :

Manusia dilahirkan berseorangan dan akan kembali berseorangan di alam barzah, tidak akan sampai seorang hamba kecintaannya kepada allah kecuali secara berseorangan (tajarrud wal infirod), kerana itu kita disarankan solat malam memohon akan kasih limpah rahmat Allah Taala. Keseorangan ini digambarkan dalam perlakuan ibadah haji dengan mengumpulkan segala masanya untuk ketaatan kepada Allah dan mengosongkan diri sepanjang hajinya dari kesibukkan membeli belah, bergambar kenangan dan urusan yang lain membuang masa. Setiap jamaah adalah tetamu Allah Taala, hakikatnya setiap diri akan dipanggil seorang demi seorang untuk menghadap Allah Taala.

Setiap tetamu Allah harus melihat setiap perlakuan ibadah haji mempunyai pengajaran sebagai ingatan dan pedoman. Memberi ingatan akan pentingnya bekalan akhirat dan menjauhkan diri dari perbuatan yang menggugurkan amalan seperti riak dan suka kepada gelaran. Ketika memakai ihram maka mengingatkan kita akan kain kapan yang akan kita pakai, inilah pakaian untuk bertemu allah yang berbeza dengan pakain biasa. Ketika bertalbiah, hati sentiasa takut dan menaruh harap agar ibadah kita diterima, saranan ini bertepatan dengan sabda Nabi :

Tiada seorang muslim yang bertalbiah melainkan semua yang ada di kanan dan kirinya termasuk batu, pohon ataupun tanah, sampai ke hujung bumi dari arah ini dan arah ini akan ikut bertalbiah” (HR Tirmizi)



Ketika melihat masjidil haram hadirkan dalam hati kebesaran Allah, limpahkan rasa syukur kerana dipilih

menjadi tetamuNya, rasai kebesaran ibadah tawaf dengan mengelilingi kaabah, ia adalah ibadah solat sebagai penghormatan memasuki masjidil haram. Ketika mana menyapu hajarul aswad ingatlah ia adalah perjanjian ketaatan kerana Allah dan dengan mendampingkan diri melekapkan anggota dengan kelambu kahbah serta multazam umpama seorang yang berdosa menyerahkan dirinya kepada Allah Taala pemberi keampunan.




Tatkala menunaikan sa'i antara sofa dan marwa, perumpamaannya seperti berada di dua kayu timbangan, mengingati pengorbanan siti hajar yang redha dengan tuhanNya. Hadiah air zam-zam yang diberi kepada hamba yang bertawakal dan yakin kepada Allah Taala serta gambaran seorang isteri yang patuh pada suami serta keimanan yang kuat.

Manakala wuquf di arafah mengingatkan kepada kepadatan makhluk, pekikkan suara mereka dan kepelbagaiannya bahasa serta perhimpunan umat. Inilah rukun haji

untuk melahirkan umat yang tunduk hati dan jiwanya kepada Allah Taala.

"Puncak haji adalah Arafah" (HR Tirmizi). Manusia diuji jiwanya dengan dihimpunkan di padang Arafah untuk beribadah dengan berzikir, berdoa, istighfar serta bacaan al-Quran yang akan langsung di dengar oleh Allah serta dikabulkan-Nya



Manakala ketika melontar di jamroh niatkan kebebasan dari belenggu godaan syaitan yang sering mengabui mata dan pemikiran manusia sehingga lupa akan matlamat hidup di dunia iaitu menghidupkan rasa jatidiri seorang hamba disisi Allah Taala..



Ketikamana berziarah ke kota Madinah, ingatlah bahawa kota ini ialah pilihan yang telah Allah beri untuk nabi Muhammad, difardhukannya hijrah, dijadikannya tempat baginda tinggal. Rasailah ketika langkah kaki memasuki kota ini akan ketenangannya, ketika niat ziarah kubur baginda hadirkan hatimu akan kebesarannya dan cuba menghayalkan akan kehadiran baginda rasul dalam benak fikiranmu lantas ucapkan salam padanya, ketahuilah bahawa beliau megetahui akan kehadiranmu dan membalaucap salamu.

Rujukan

1. Muhktasar Minhaj al Qoshidin, 1978, Muhammad Ahmad Dahman. Maktabah dar al turath.
2. Minhaj al - Muslim, 1964 Abu Bakar Jabir al Jazairi. Makkah almukarramah lili I'lam
3. Agar Haji Tidak sia-sia,2012. Misbah Em Majidy.Kemilau Publika Sdn Bhd.

Gen Z dalam Mendepani Cabaran Kontemporari

Oleh : Ahmad Faiz Bin Haji Ahmad Ubaidah

(Koordinator ACIS UiTM Kampus Rembau)

Siapakah yang tergolong dalam generasi Z? Menurut Tapscott (2008), generasi Z adalah golongan yang dilahirkan tahun 1998 hingga 2009. Generasi Z adalah generasi teknologi. Mereka telah mula melayari internet dan web seiring dengan usia mereka sejak mereka masih belum bercakap. Generasi Z telah dibimbing dan digalakkan oleh ibu bapa menggunakan dunia laman sosial sejak kecil lagi. Dengan kata lain, generasi Z membesar di dalam dunia yang berhubung menerusi teknologi sejak dari awal lagi. Walaupun terdapat kebimbangan di kalangan ibu bapa apabila mendapati anak-anak mereka menghabiskan terlalu banyak masa berinteraksi secara online berbanding di alam nyata, hakikatnya teknologi bukanlah alat yang dianggap memberi kesan buruk bahkan memudahkan pergerakan dan penghantaran maklumat yang cepat.

dialog merangkumi interaksi visual sebenar yang berterusan. Justeru, dari perspektif yang berbeza, mari kita lihat bagaimana Gen Z mampu mendepani cabaran kontemporari seiring dengan perubahan teknologi moden. Sejajar dengan itu, pemahaman yang jelas terhadap isu dan cabaran semasa ini perlu diterapkan kepada Gen Z sekaligus memberi mereka peluang untuk menjadi ummah yang berfikiran wasatiyyah seterusnya membentuk masyarakat yang bertamadun.



Justeru, generasi Z melihat faedah teknologi sebagai alat komunikasi yang bersifat 'nyata dan realistik'. Mereka masih dapat bersama ahli keluarga dan rakan-rakan di seluruh negara, atau bahkan seluruh dunia, tanpa perlu berada di ruang fizikal yang sama. Malah, cara mereka berkomunikasi melalui sistem pesanan ringkas (SMS), WhatsApp, Skype dan sebagainya menambah kepada aliran

Program ini dilancarkan pada 29 Oktober 2018 iaitu pada hari Isnin bermula jam 7.30 malam hingga 11 malam bertempat di DK 200 UiTM cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau. Program ini dianjurkan oleh Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Kampus Rembau, Negeri Sembilan dengan kerjasama Unit Hal Ehwal Islam. Seramai 164 orang pelajar yang mengikuti program



Ahli Jawatankuasa program yang sentiasa berganding bahu membantu

ini dan diketuai oleh Ustazah Noraini Abd Muaziz sebagai pengarah. Antara objektif program adalah menjelaskan bentuk-bentuk cabaran yang dihadapi, menghuraikan kaedah-kaedah penyelesaian yang praktikal dalam mendepani cabaran tersebut, menjelaskan kepentingan pendekatan secara psikologi dalam menangani sesuatu masalah serta menjelaskan kepentingan pembentukan akhlak generasi muda dalam membentuk generasi hadapan.

Program yang disampaikan oleh pen-ceramah jemputan iaitu Encik Mohammad Aiman Bin Amri ini mendapat rekasi positif daripada 90% pelajar kerana mereka

didedahkan dengan kepentingan melengkapkan diri dalam menghadapi cabaran kontemporari terutama dari sudut psikologi. Oleh itu, perancangan mengurus pembangunan generasi muda perlu responsif kepada jangkaan keperluan dan cabaran masa hadapan belia. Manual hala tuju pembangunan belia negara perlu bersifat futuristik, dinamik dan berpandangan jauh. Oleh yang demikian, Segala perancangan pelaksanaan sesuatu program atau aktiviti bagi mendepani sesuatu cabaran akan lebih mudah ditentukan dengan kadar kejayaan lebih tinggi apabila jangkuan pemikiran dan penglihatan bersifat jangka panjang.

Barisan pensyarah yang menjadi pendokong utama program



Seminar Al-Quran Berdasarkan Tafsir Ibnu Kathir

Oleh : Nurul Amrina Binti Mohd Yazid
(Pensyarah ACIS Kampus Rembau)

Program "Seminar Al-Quran Berdasarkan Tafsir Ibnu Kathir : Surah Pilihan" dilaksanakan adalah untuk menilai dan menaksir kemampuan mahasiswa merangkumi 10% pemarkahan bagi kod kursus CTU101 Prinsip-Prinsip Asas Islam. Program ini diadakan pada 1 November 2018 (Khamis) bermula jam 12 tengah hari hingga 1 petang bertempat di Dewan Kuliah 200 (DK200), UiTM Kampus Rembau anjuran Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Kampus Rembau, Negeri Sembilan dengan kerjasama Unit Hal Ehwal Islam. Penceramah jemputan yang menyampaikan ibrah surah ar-Rahman adalah Ustazah Sharifah Sari binti Datu Asal (Pensyarah Akademik Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau. Program ini sangat memberi manfaat kepada pelajar untuk mengenal erti syukur dalam setiap nikmat yang Allah berikan.

Program ini telah diselia oleh Ustaz Ahmad Faiz Bin Hj Ahmad Ubaidah sebagai penasihat program dan dipertanggungjawabkan kepada Ustazah Nurul Amrina Binti Mohd Yazid selaku Pengarah Program. Tujuan program ini diadakan adalah untuk memperoleh dan mengaplikasi pengetahuan serta ilmu baharu berdasarkan kajian mereka terhadap al-Quran disamping menyediakan

platform bagi mahasiswa untuk mendekati setiap surah dalam al-Quran agar akhlak yang ditunjukkan selari dengan anjuran al-Quran. Peserta program yang hadir adalah seramai 156 orang pelajar dan 30 orang kakitangan UiTM.



Surah Ar-Rahman adalah surah ke-55 dalam al-Qur'an. Surah ini tergolong dalam surah Makkiyah, terdiri dalam 78 ayat. Surah ini dinamakan ar-Rahmaan yang bererti yang maha pemurah di mana ayat ini terdapat pada ayat pertama. Ar-Rahman adalah salah satu dari nam-nama Allah. Sebahagian besar dari surah ini menerangkan sifat-sifat Allah kepada hamba-hamba-Nya, iaitu dengan memberikan nikmat-nikmat yang tidak terhingga baik di dunia maupun di akhirat. Ciri khas surah ini adalah kalimah tersebut berulang 31 kali ***Fa-biayyi alaa'i Rabbi kuma tukadzdzi ban*** (Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan?) yang terletak di akhir setiap ayat yang menjelaskan nikmat Allah untuk diberikan kepada manusia. Melalui surah ini Allah seolah-olah memberi signal kepada kita akan sifat kita

yang pelupa, kufur nikmat, dan tidak mahu berfikir

Rasa syukur seharusnya menambah keimanan kita, mematuhi segala perintahnya dan menjauhi segala larangannya. Beribadah kepada Allah, dan menjauhkan diri dari maksiat. Celakalah orang yang kufur nikmat, dan berbahagialah orang yang mensyukuri nikmat kerana ketika ia bersyukur, Allah menambahkan nikmat-Nya. Kebanyakan kita hanya mengikuti apa yang sudah diwariskan oleh orang-orang tua dan beranggapan bahawa agama yang Islam adalah agama "warisan". Namun, Allah menurunkan al-Quran supaya menjadi pedoman kepada umat Islam sebagai jalan kearah kehidupan dan menjadi cahaya dalam kegelapan. Dalam Al-Qur'an, Allah menyebutkan tentang mereka yang berpikir secara sedar, kemudian merenung dan pada akhirnya sampai kepada kebenaran yang menjadikan mereka takut kepada Allah. Sebaliknya, Allah juga menyatakan bahawa orang-orang yang mengikuti secara taklid buta tanpa berfikir, ataupun hanya sekadar mengikuti kebiasaan yang ada, akan terus berada dalam kekeliruan.

Antara kelebihan surah ar-Rahman ialah Allah akan menyayangi kelemahannya dan meridhai nikmat yang dikaruniakan padanya." (Tafsir Nur Ats-Tsaqalayn 5/187). Menurut Imam Ja'far Ash-shadiq: "Barangsiapa yang membaca surah Ar-Rahman, dan ketika membaca kalimat 'Fabiayyi âlâi Rabbikumâ tukadzdzibân', ia mengucapkan: (tidak ada satu pun nikmat-Mu, duhai Tuhanmu, yang aku dustakan), jika saat membacanya itu pada malam hari kemudian ia mati, maka matinya seperti matinya orang yang syahid, jika membacanya di siang hari kemudian mati, maka matinya seperti matinya orang

yang syahid." (Tsawabul A'mal, hlm 117). Kelebihan yang terakhir Imam Ja'far Ash-Shadiq (sa) berkata: "Jangan tinggalkan membaca surat Ar-Rahman, bangunlah malam bersamanya, surah ini tidak menteramkan hati orang-orang munafik, kamu akan menjumpai Tuhanmu bersamanya pada hari kiamat, wujudnya seperti wujud manusia yang paling indah, dan baunya paling harum. Pada hari kiamat tidak ada seorangpun yang berdiri di hadapan Allah yang lebih dekat dengan-Nya daripadanya.

Antara kelebihan program ini adalah pensyarah subjek dapat melihat potensi pelajar dalam memahami konteks ayat al-Quran dengan lebih mendalam. Selain itu, kekuatan program ini adalah daripada segi penyampaian penceramah yang jelas dan bersifat realistik, penuh informasi dan maklumat serta mendedahkan peserta kepada kepentingan melengkapkan diri dengan nas-nas al-Quran. Natijah daripada program ini, 80% pelajar memberi penilaian cemerlang terhadap kandungan kursus program yang berkait rapat dengan silibus program serta aras pengetahuan mereka. Justeru itu, program ibrah surah-surah dalam al-Quran perlu diperkasakan lagi akan datang supaya pelajar dapat menimba ilmu mengenai ibrah daripada cerita al-Quran.




Sesi penyampaian cenderahati kepada penceramah ustazah Sharifah Sari Binti Datu Asal

Penulisan Ahli Akademik Di Media Massa

Oleh : Shahril Anuar Abdul Ghalim & Nurul Nisha Mohd Shah

(Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Mediia Kampus Rembau)



Umum mengetahui bahawa penulisan adalah perkara yang sinonim dengan kerjaya sebagai pensyarah. Tahap keintelektualan dalam bidang dapat diukur dengan penghasilan penulisan yang menjurus kepada kepakaran akademik seseorang pensyarah. Terdapat pelbagai bentuk penulisan akademik yang menjadi tumpuan pensyarah dalam menghasilkan penulisan yang berteraskan dapatan hasil kajian yang dilakukan. Antaranya ialah penulisan dalam jurnal akademik, buku, bab dalam buku, prosiding dan pelbagai


lagi yang berbentuk penulisan ilmiah. Kesemua ini adalah penting bagi menempatkan tahap kecemerlangan akademik sesbuah universiti dengan berpandukan hasil penulisan pensyarah yang mempunyai impak dan nilai yang tinggi.

Walaupun diketahui umum bahawa bentuk penulisan yang dinyatakan tadi merupakan teras utama dalam profesion seorang pensyarah bagi menghasilkan penulisan yang bermutu dan berkualiti serta mempunyai nilai yang tinggi dari sudut kesarjanaan. Namun terdapat juga

bentuk penulisan yang harus diberikan tumpuan walaupun ia tidak sehebat penerbitan dalam konteks dunia akademik. Bentuk penulisan yang bersahaja tetapi masih dalam konteks ilmu yang boleh diceburi iaitu penulisan gaya akhbar sebagai salah satu bentuk penulisan umum ataupun popular.

Apa yang cuba dikupas adalah penglibatan pensyarah dalam penulisan atau penerbitan umum iaitu bentuk penulisan di akhbar-akhbar tempatan. Perkongsian idea dan pandangan dalam bidang kepakaran oleh ahli akademik adalah sangat diperlukan bagi tatapan masyarakat umum. Ini dapat membentuk jaringan perkongsian idea dan penyaluran maklumat antara universiti dengan masyarakat amnya. Pensyarah dapat memberikan pandangan, perkongsian idea dan cadangan berteraskan sesuatu kepakaran dengan masyarakat ber-sesuaian dengan isu semasa yang berlaku yang memungkinkan diberi penerangan lanjutan dari sudut akademik. Ilmu yang disalurkan kepada umum mampu untuk memberikan maklumat berupa pendidikan kepada masyarakat umum.

Melalui penulisan akhbar juga akan meningkatkan imej universiti kerana masyarakat akan mengenali dan mengakui kewujudan universiti melalui ahli akademiknya yang aktif menulis untuk berkongsi kepakaran dengan masyarakat. Rata-rata penulisan di akhbar akan menyertakan jawatan dan nama universiti walaupun penulisannya merupakan pandangan penulis sahaja. Universiti bakal dikenali kerana sumbangan ahli akademiknya melalui penulisan secara meluas. Ini kerana sifat akhbar itu sendiri yang diterbitkan dan diedarkan secara harian dalam jumlah terbitan yang



berskala besar. Tambahan pula dengan wujudnya akhbar dalam talian telah menjadikannya makin dekat dengan masyarakat umum.

Apa yang lebih utama, manfaat yang diperoleh oleh masyarakat melalui penulisan ahli akademik. Gaya penulisan ini dilihat mampu menyalurkan ilmu melalui isu semasa yang pelbagai kepada masyarakat. Antaranya melibatkan politik semasa, undang-undang dan polisi, ekonomi, keagamaan, kesihatan, aspek sosial dan pelbagai lagi fokus yang mendepani masyarakat ketika ini.

Walaupun ianya dikategorikan sebagai penerbitan umum (penulisan akhbar) tetapi umum mengetahui bahawa pembaca atau khalayak sasaran bagi sebuah akhbar adalah bersifat pelbagai. Ianya terdiri daripada masyarakat umum tanpa mengenal latar belakang pendidikan, pekerjaan, lokaliti, dan berbagai lagi ketidakseragaman individu yang wujud. Dan bukanlah sesuatu yang mudah untuk menulis sesuatu yang mencakupi atau memfokuskan kepelbagaiang anggota masyarakat ini. Gaya penulisan yang mudah difahami, sesuai untuk pelbagai lapisan masyarakat dan mengungkap topik yang menarik adalah cabaran dalam menghasilkan penulisan ini.

Seminar Fardhu Ain: Solat

Oleh : Nur Ilham Binti Wan Abdullah
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Rembau)



Solat atau sembahyang merupakan ibadah asasi kepada umat Islam. Ketentuan solat telah termaktub dalam rukun Islam. Pensyariatan ibadah ini adalah satu yang istimewa berbanding dengan ibadah lainseperti puasa, zakat, haji dan lain-lain. Ini kerana ibadah solat diterima secara langsung oleh Rasulullah saw daripada Allah dalam peristiwa agung iaitu isra' dan mikraj. Justeru ibadah ini adalah suatu yang wajib sebagai tanda kesyukuran kepada maha pencipta. Mengapa kita sebagai umat Islam perlu solat? Tidakkah pernah anda terfikir bahawa kewajipan solat itu adalah satu tuntutan daripada Allah swt kepada hamba-hambanya untuk mengingatinya.

Oleh yang demikian Akademi Pengajian Islam Kontemporari dibawah penasihat Ustaz Ahmad Faiz Haji Ahmad Ubaidah dengan kerjasama Unit Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau dan Ikatan Persatuan Mahasiswa Muslim telah membawakan khas kepada pelajar UiTM Rembau mengenai seminar Fardhu Ain bertajuk Solat pada 19 Oktober 2018 jam 7.30 pagi hingga 12 tengah hari bertempat di Dewan Kuliah 200. Seramai 150 orang peserta telah menghadiri program ini dalam kalangan pelajar CTU 101 (Prinsip Asas Islam) dan 50 orang staff UiTM Rembau. Namun, apa yang lebih menarik seminar ini mengupas mengenai solat yang

sempurna mengikut Mazhab Syafie oleh Ustaz Hisam Satari. Secara tidak langsung, seminar ini membantu pelajar memahami konsep solat dalam konteks ibadah. Antara jemputan yang telah mengimarahkan program adalah Dr. Siti Faidul Maisarah Abdullah, Penolong Rektor UiTM Rembau dan Ustaz Hisam Satari Ketua Pusat Pengajian ACIS.

Antara objektif seminar fardhu ain ini yang digariskan oleh Pengarah program iaitu Ustazah Nur Ilham binti Wan Abdullah adalah untuk memberi pendedahan dan kefahaman kepada staf dan mahasiswa mengenai kod kursus CTU101, membangunkan mahasiswa untuk menguasai cabang ilmu agar mampu diterjemahkan dalam impak pembelajaran sepanjang hayat serta

melahirkan pekerja dan mahasiswa yang prihatin dengan kesempurnaan Islam. Tahap keberkesanan program sangat baik dan memberi manfaat kepada pelajar sehingga 97% daripada pelajar menyatakan bahawa program ini dapat menambahkan peningkatan pengetahuan dan kemahiran dalam solat bukan sahaja seara teori malah secara praktikal. Majoriti daripada peserta program ini memberikan ulasan positif berkenaan program ini kerana dapat memberi pendedahan dan kefahaman berkenaan solat dengan lebih terperinci. Kekuatan program ini adalah daripada segi penyampaian penceramah yang jelas secara teori dan praktikal. Semoga program ini dapat meningkatkan kefahaman fardhu ain kepada pelajar-pelajar dan memantapkan bacaan solat dalam kehidupan sahsiah muslim.



Budaya Memfitnah Mengundang Bala Bencana

Oleh : Mu'allim Bin Mohd Bakri

(Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Seremban)

Realiti zaman kini yang semakin canggih dan maju, telah meledakan budaya fitnah memfitnah dan memburukan sesama manusia. Terdapat pelbagai fitnah dan tuduhan menuju seperti isu-isu berkaitan perzinaan, pembunuhan, liwat, rasuah dan pelbagai perkara yang mengaibkan. Isu-isu ini masih dalam siasatan pihak berkuasa dan belum diputuskan oleh mahkamah. Apa yang nyata isu-isu ini telah merosakkan imej orang Islam dan memecahbelahkan perpaduan umat Islam.

Sesungguhnya, sebagai umat Islam hendaklah menjauhi perbuatan memfitnah. Fitnah bermerti menyebarkan berita palsu atau cerita yang tidak benar tentang sesuatu hal atau orang lain baik secara diam-diam atau pun secara terbuka. Berdasarkan pemerhatian, fitnah ini bukan sahaja berlaku dalam politik tetapi berlaku juga dalam rumah tangga, pejabat dan sebagainya. Ia berlaku kerana dengki, munafik, mengadu domba dan memutar belitkan fakta yang membawa kesan buruk, aib dan hina yang berpanjangan kepada seseorang. Apatah lagi jika mangsa fitnah itu adalah orang yang beriman dan

bukan kaki maksiat. Ketika mengulas lanjut kekejaman fitnah ini Huzaifah RA berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermakna: "*Tidak masuk Syurga orang yang suka menabur fitnah.*" (*Hadith Riwayat Muslim*)

Hakikatnya perbuatan fitnah lebih besar dosanya daripada membunuh kerana menimbulkan kesengsaraan kepada pemfitnah dan orang yang difitnah, menimbulkan keresahan di kalangan masyarakat, memecahbelahkan perpaduan umat, menyekat pencapaian kerjaya dan tergolong sebagai ahli neraka.

Berdasarkan peristiwa sejarah, isu fitnah yang mengaitkan wanita dan seks paling lumrah berlaku bertujuan untuk menjatuhkan dan mengaibkan maruah seseorang. Nabi Yusuf Alaihissalam pernah difitnah oleh Zulakiha isteri kepada Gabenor Mesir ketika itu kerana cuba menggodanya. Kesan daripada itu, baginda disumbat ke dalam penjara. Begitu juga, Ummul mukminin Saidatina Aishah RHA isteri Rasulullah SAW sendiri yang pernah difitnah oleh Abdullan bin



Ubai kononnya berzina dengan Safwan bin Mu'tal. Namun begitu, serangan fitnah yang sengaja dibuat-buat bagi memalukan orang-orang saleh ini adalah ternyata tidak benar.

Dalam usaha menghukum orang yang terlibat dalam aktiviti memfitnah Islam memperuntukkan undang-undang yang tegas. Dalam fitnah kes liwat atau zina misalnya, Islam memperuntukkan hukum qazaf iaitu dikenakan 80 kali sebatan dikhalayak ramai. Hukum qazaf dikenakan jika penuduh-penuduh perbuatan keji itu gagal mengemukakan empat orang saksi yang adil iaitu tidak fasik. Pada prinsipnya hukuman di dalam Islam adalah untuk menegakkan keadilan, mendidik manusia dan bukan menghukum dengan sewenang-wenangnya.

Justeru itu, umat Islam amat dilarang memfitnah orang lain kerana perbuatan ini akan dilaknat oleh Allah SWT di dunia dan di akhirat kelak. Sesungguhnya, dengan berleluasanya perbuatan dosa besar seperti amalan fitnah memfitnah ini boleh mengundang bala bencana dinegara ini. Bertepatan dengan Firman Allah SWT dalam surah al-Anfal ayat 25 yang bermaksud: "Dan jagalah diri kamu daripada memfitnah yang bukan sahaja akan menimpak orang yang zalim di antara kamu secara khusus. Dan ketahuilah bahawa Allah Maha berat azab seksa-Nya."

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT tidak akan hanya menurunkan azab sengsara kepada pembuat dosa atau penzalim sahaja, akan tetapi mereka yang tahu tetapi berdiam diri dan tidak berbuat apa-apa tindakan untuk mencegah atau menghalang juga bakal menerima azab tersebut.

Menurut beberapa Ulama' terkenal, mereka yang melakukan fitnah ini selalunya mata hati mereka telah buta kerana dipenuhi dosa. Keadaan ini menyebabkan pemfitnah mengamalkan apa sahaja cara yang salah dalam usaha untuk memenuhi nafsu serakahnya. Hakikatnya mereka yang mengamalkan fitnah ini kelihatan beragama Islam tetapi sebenarnya perbuatan mereka

seperti orang yang tiada agama, atau tiada kualiti modal insan soleh yang amat diharapkan oleh Islam dan umatnya.

Bagi mengelakkan penyebaran fitnah dan kemurkaan Allah SWT, umat Islam hendaklah berwaspada dengan persekitaran tingkah laku manusia yang pelbagai ragam ini agar tidak terjerumus dengan akhlak iblis dan syaitan yang merugikan bangsa, negara dan diri sendiri, maka hendaklah umat Islam sentiasa mematuhi ajaran al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW.

Kesimpulannya, demi mencapai keselamatan dunia dan akhirat, Islam menghendaki umatnya berkhidmat dengan cemerlang, amanah, berintegriti, berlaku adil dan bersih daripada pengkhianatan dan penyelewengan. Oleh itu, unsur-unsur khianat, mengaibkan orang, menyalahguna kuasa dan sebagainya adalah tanda manusia yang zalim, tidak berperi kemanusiaan dan terlibat dengan dosa besar serta akan dihumbangkan ke dalam api neraka. Lantaran itu, dalam mengekalkan agar umat Islam sebagai insan yang soleh dan bebas daripada dosa besar dan kecil, maka umat Islam digalakkan bersegera bertaubat. Masyarakat juga digalakkan agar menyiasat dahulu sebarang berita yang disampaikan agar berita itu adalah tidak palsu. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT di dalam surah Al-Hujurat ayat 6 yang bermaksud: "Wahai orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang yang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah kebenarannya, supaya kamu tidak menimpa suatu musibah kepada kaum dengan sebab kejahilan kamu sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu lakukan."

